

10 DEC 2000

Mahathir-Melayu

PM ULANGI KEBIMBANGAN BERHUBUNG PERPECAHAN MELAYU, UMAT ISLAM

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi kebimbangannya berhubung perpecahan dan kelemahan di kalangan orang Melayu dan umat Islam yang berlaku di negara ini sekarang.

"Yang malangnya, perpecahan itu kini begitu teruk sehingga orang Melayu terpisah dua," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama kira-kira 200 bekas anggota Pas Terengganu yang kini menyertai Umno di Seri Perdana di sini, malam ini.

Beliau berkata antara punca perpecahan itu ialah apabila agama digunakan untuk tujuan politik sehinggakan ketaksuban yang tercetis terhadap kumpulan dan pemimpin tertentu menyebabkan apa yang salah di sisi agama dianggap betul.

"Dengan kerana itu, orang Islam begitu berkecamuk sehingga tak peduli padah. Umpamanya di Lunas, ada yang pukul orang, mencarut dan menendang orang perempuan," katanya.

Beliau merujuk kepada tindakan sesetengah penyokong pembangkang yang dikatakan bertindak keterlaluan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas baru-baru ini, yang mana calon Parti Keadilan Nasional Saifuddin Nasution Ismail menang.

Dr Mahathir berkata: "Apa dah jadi dengan orang Melayu. Dulu mereka bersatu tetapi kini kita cukup lemah dan ada yang merancang untuk memecahbelahkan lagi orang Melayu. Mereka akan hasut, cucuk dan sogok bagi menentukan ada orang Melayu yang menentang orang Melayu khususnya kerajaan."

Beliau berkata akibat perpecahan yang berlaku ialah agama Islam kini tidak lagi dihormati oleh orang lain kerana penganutnya tidak menunjukkan persaudaraan sesama mereka seperti yang dituntut oleh agama.

Beliau mengajak orang Melayu dan umat Islam mengimbas sejarah negara terutamanya perpaduan mantap yang ditunjukkan ketika menuntut kemerdekaan dulu.

Menurutnya kesedaran bahawa ada kemungkinan negara menjadi milik British pada waktu itu menyebabkan mereka bersatu dalam menentang penjajah.

"Kalau kita berpecah pada waktu itu, kita mungkin kehilangan negara kita, tetapi kita tak berpecah dan menganggap kita semua orang Melayu dan orang Islam yang bersatu. Kerana perpaduan, kita berjaya melawan British," katanya lagi.

-- BERNAMA

MAM MAM RI